



DR. Shankar Gunarasa



MASALAH di dubur adalah satu-satunya masalah yang amat menyakitkan dan membebaskan pesakit. Sebagai Pakar Bedah Kolorrektal, saya banyak mendengar keluhan dari pesakit mengenai berbagai masalah di dubur seperti pendarahan, kesakitan di dubur selepas pembuangan najis dan rasa ketat di pintu dubur sehingga susah untuk membuang najis.

Memang sebelum ini, saya ada menulis penyebabnya secara individu, tetapi untuk hari ini saya ingin merumuskan apakah yang anda perlu tahu tentang masalah ini. Tiga masalah yang paling kerap saya lihat di kalangan pesakit yang menghadapi masalah kesakitan di dubur berpunca daripada buasir, fisur anus dan fistula anus. Jika anda menghadapi kesakitan di dubur, anda mungkin mempunyai antara tiga penyebab ini.

1) FISUR ANUS

Apakah itu fisur anus?

Bagaimanakah ia boleh berlaku?

Ia adalah istilah medikal yang bermaksud "koyak" di dubur. Keadaan ini tidak membahayakan pesakit, cuma ianya memberi ketidakselesaan sekiranya tidak di ubati dengan baik. Jika ubatan secara topical tidak memberi kelegaan, pembedahan terpaksa di lakukan. Sebab-sebab fisur anus biasanya dikaitkan dengan kecederaan yang berlaku pada rektum. Bagaimanapun, sebab utama penyakit ini terjadi adalah kerana otot pintu lubang dubur menjadi terlalu ketat dan apabila najis keluar, ia menyebabkan lubang dubur terkoyak. Trauma ini juga berlaku kepada lapisan mukosa atau kulit dubur semasa laluan najis yang keras semasa sembelit. Di sebabkan lapisan anus yang kaya dengan urat saraf, ianya menyebabkan kesan kesakitan yang amat sangat kepada pesakit. Selain daripada sembelit, factor lain yang boleh menyumbang kepada kesan koyak di dubur adalah masalah *Crohn's* rektum. *Crohn's* adalah sejenis keradangan di tangkal dubur atau

Kesakitan di dubur Tiga sebab utama yang anda perlu tahu

Jika anda menghadapi kesakitan di dubur, anda mungkin mempunyai antara tiga penyebab ini




PILES

VS

FISSURE

VS

FISTULA



rektum yang boleh menyebabkan masalah fisur anus. Pembedahan di dubur seperti pembedahan buasir atau fistula anus adalah salah satu penyebab fisur anus. Rawatan pada permulaannya adalah secara konservatif di mana krim topical yang berkhusukan 'calcium channel blockers' di sapu di permukaan dubur untuk melegakan tekanan *sphincter*/otot di dubur. Sekiranya fisur anus ini kronik, maknanya tidak ada cara lain selain pembedahan. Lazimnya pembedahan "*lateral sphincterotomy*" akan di lakukan di mana *sphincter* otot dubur dalaman (*internal sphincter*) di kerat satu pertiga daripada ketebalan asalnya

2. FISTULA ANUS

Fistula ini berpunca daripada kelenjar di dubur iaitu kelenjar *cryptoglandular*. Bila kelenjar ini bermasalah atau berkuman, ianya menyebabkan sambungan yang tidak normal antara lapisan di bahagian dalam saluran dubur anda (bahagian belakang) dan kulit berhampiran dubur anda. Kebanyakan fistula anus adalah disebabkan oleh abses (koleksi nanah) yang telah berkembang di dalam kelenjar *cryptoglandular*. Fistula

anus berlaku apabila trek yang dibuat oleh nanah dalam perjalanan ke permukaan kulit anda, tetap terbuka.

Bagaimanakah anda boleh menghindar masalah fistula anus ini? Faktor utama ialah menjaga kebersihan anus. Sekiranya penjaagaan yang tidak baik, ianya akan menyebabkan kekotoran, luka dan akhirnya bernanah. Satu lagi faktor ialah mengelakan masalah sembelit yang boleh menyebabkan luka di dubur dan sekaligus fistula anus.

Pembedahan fistula anus biasanya di lakukan dan adalah selamat secara umum. Bagi sebilangan pesakit, seperti yang saya katakan dari awal, perlu menjalani pembedahan berulang.

3. BUASIR

Buasir adalah pembengkakan saluran darah di bahagian anus dan masalah yang paling lazim untuk seseorang pesakit itu berjumpa dengan doktor. Kebiasaannya buasir adalah bersimptomkan secara kebetulan dimana seseorang itu akan mengalami pendarahan najis tanpa merasa sebarang kesakitan. Namun begitu, penbuangan najis berdarah bukan hanya satu simptom untuk buasir. Kegatalan di dubur, kesakitan di dubur, pembengkakan di dubur dan adakalanya sembelit adalah antara simptom simptom lain untuk buasir.

Buasir adalah dua jenis iaitu buasir dalaman dan buasir luaran. Kedua-duanya ada simptom yang berlainan. Kebiasaannya pesakit akan menjalani ujian darah dan juga ujian endoskopi kolonoskopi untuk memastikan diagnosis sebenar sebelum sebarang rawatan boleh di mulakan.

Sekiranya ianya buasir, bergantung kepada gred buasir, rawatan yang setimpal akan diberikan. Antara rawatan pembedahan yang boleh di lakukan untuk buasir ialah "*rubber band ligation*", *sclerotherapy*,

JIKA ubatan secara topical tidak memberi kelegaan, pembedahan terpaksa di lakukan. Sebab-sebab fisur anus biasanya dikaitkan dengan kecederaan yang berlaku pada rektum. Bagaimanapun, sebab utama penyakit ini terjadi adalah kerana otot pintu lubang dubur menjadi terlalu ketat dan apabila najis keluar, ia menyebabkan lubang dubur terkoyak. Trauma ini juga berlaku kepada lapisan mukosa atau kulit dubur semasa laluan najis yang keras semasa sembelit. Di sebabkan lapisan anus yang kaya dengan urat saraf, ianya menyebabkan kesan kesakitan yang amat sangat kepada pesakit. Selain daripada sembelit, factor lain yang boleh menyumbang kepada kesan koyak di dubur adalah masalah *Crohn's* rektum.

doppler ligation of haemorrhoidal artery (DGHAL), laser *hemorrhoidoplasty* dan *stapler hemorrhoidopexy*. Untuk pembedahan yang bersesuaian, anda perlu berhubung dengan doktor bedah anda.

Inilah tiga penyebab utama yang anda perlu beri perhatian sekiranya anda mempunyai masalah kesakitan yang berlamakan di dubur.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang rawatan fistula anus, fisur anus dan buasir, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorrektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

